



# Buletin Perlindungan Pengguna

CONSUMER PROTECTION BULLETIN

Homepage : [www.kpdnhq.gov.my](http://www.kpdnhq.gov.my)



Diterbitkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia dengan kerjasama Majlis Hal Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur  
Published by the Ministry of Domestic Trade & Consumer Affairs, Malaysia in collaboration with the Majlis Hal Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur

NO. ISSN 1511-6581

BIL 5/2001

## Memanteras Cetak Rompak Tanggungjawab Kita Bersama

Su cetak rompak telah menjadi suatu masalah yang tidak asing lagi di negara ini. Malahan para pengguna boleh memperolehi produk cetak rompak yang dijual di pasaran seperti di kompleks membeli-belah, pasar malam dan premis perniagaan. Gejala ini telah menjadi satu isu yang serius dan mendapat perhatian daripada pihak berkuasa. Sebagai contohnya, industri muzik dan filem di negara ini telah terjejas dengan teruk akibat kegiatan cetak rompak. Keadaan ini telah mengakibatkan pendapatan dan keuntungan yang diperolehi pengusaha industri terbabit dan para karyawan muzik dan filem semakin berkurangan. Secara tidak langsung ia turut menjelaskan sumber pendapatan pihak kerajaan yang dikutip melalui cukai pada setiap tahun.

Walaupun hampir setiap hari kita membaca di dalam suratkhabar dan menonton di televisyen yang memaparkan tentang kejayaan pihak berkuasa khususnya agensi penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) menyerbu premis yang mengeluar, mengedar dan menjual produk cetak rompak namun masalah cetak rompak masih lagi berterusan. Timbul persoalan di sini tentang sampai bilakah masalah ini



Pemusnahan kaset, VCD dan CD cetak rompak.

akan berakhir. Pihak kerajaan telah menunjukkan komitmen yang padu dan bersungguh-sungguh di dalam usaha memanteras cetak rompak di negara ini. Sebagai contohnya, kerajaan telah menguatkuasakan Akta Hakcipta 1987 (Pindaan 2000) bagi melindungi dan menjaga hakcipta para karyawan di negara ini yang antaranya meliputi karya sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi dan perisian komputer serta persembahan secara langsung. Pihak-pihak yang didapati melanggar hakcipta yang dilindungi boleh diambil tindakan sivil oleh pemilik hakcipta dan boleh disabitkan dengan tuduhan jenayah oleh pihak berkuasa.



**HAPUSKAN  
 CETAK ROMPAK**

bersambung di mukasurat 4

**SIDANG PENGARANG**

**Penasihat**

Y. B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

**Penolong Nasihat**

Y. B. Dato' S. Subramaniam  
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam  
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

**Ketua Pengarang**

Syed Mestaddin bin Syed Abdullah  
Pengarang, Bahagian Hal Ehwal Pengguna

**Penasihat Pengarang**

Abdul Rahman bin Ghazali  
Timbalan Ketua Pengarang,  
Bahagian Penguatkuasa (Operasi).

Yap Kon Lim

Normah Sheikh Abdullah  
Ketua Penolong Pengarang,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Nik Suzana

Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan  
Hal Ehwal Pengguna

**Penolong Pengarang**

Anyi Ngau  
Penolong Pengarang,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Noor Jamal Ali

Penolong Pegawai Penerbitan,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

**Penasihat Publisiti Dan  
Hal Ehwal Korporat**

James Tho  
Ketua, Publisiti dan Hal Ehwal Korporat,  
Buletin Perlindungan Pengguna

Cynthia Chin

Penolong Ketua,  
Buletin Perlindungan Pengguna

Sumithra

Noor Amilia  
Habeebah Sideeka  
Aishah Abd. Rahman  
Chwa Ah Chuan  
Pegawai-pegawai Kordinator dan  
Perhubungan Buletin

**Produksi Dan Edaran**

Nancy Thong  
Edward Loh  
Norman Tee

**Alamat :**

Buletin Perlindungan Pengguna,  
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
Dan Hal Ehwal Pengguna,  
Tingkat 32, Bangunan Duta Bumi,  
Jalan Sultan Hishamuddin  
50623 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2260 1806

No. Faks : 03-2274 7628 • 2260 1807

E-mail : buletin@kpdnhq.gov.my

**Buletin Perlindungan Pengguna**

merupakan projek usahasama Kementerian  
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal  
Pengguna dengan kerjasama Majlis Hal  
Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur dan  
diterbitkan secara bulanan. Rencana-  
rencana yang diterbitkan dalam buletin ini  
adalah pandangan peribadi penulis dan tidak  
semestinya menggambarkan pendirian

Kementerian ISSN 1511-6581

Perdagangan Dalam  
Negeri dan Hal  
Ehwal Pengguna.



9 771511 658004



# *Suara Pengarang*

**S**ebagai pengguna, kita membuat perbelanjaan setiap hari dan membeli daripada penjual yang seterusnya menggunakan wang kita untuk membeli barang lain di mana perbelanjaan kita dapat menggerakkan ekonomi secara positif. Kita bukan berbelanja untuk diri sendiri tetapi secara tidak langsung berbelanja untuk memulihkan dan menggiatkan ekonomi negara kita.

Ini tidak pula bermakna kita harus membeli barang-barang sewenang-wenangnya. Di sinilah pengguna harus mengamalkan kebijaksanaan dalam membuat perbelanjaan. Wang yang kita belanjakan haruslah memberi pulangan yang terbaik untuk diri kita sebagai pengguna. Kita harus membuat perbandingan harga dan membeli pada harga dan kualiti yang berpatutan. Apabila kita berbelanja, kita perlulah mengutamakan pembelian barang buatan tempatan berbanding barang import. Tindakan ini bukan sahaja mampu mengelakkan pengaliran keluar wang negara tetapi juga dapat memulihkan kegiatan ekonomi negara yang seterusnya akan memberi kebaikan kepada hasil pendapatan rakyat Malaysia.

Pada masa ini terdapat begitu banyak barang buatan Malaysia yang mendapat pasaran luar negara, yang kualitinya diiktiraf di pasaran antarabangsa. Namun, pengguna-pengguna tempatan yang masih merasa ragu dan kurang yakin tentang kualiti dan mutu barang tempatan lebih cenderung untuk membeli barang yang diimport. Oleh itu, pengguna harus ada keyakinan bahawa kualiti barang tempatan adalah setaraf dengan barang import.

Sebagai pengguna dan sebagai rakyat kita punya tanggungjawab terhadap negara. Setiap perbelanjaan harian kita akan mempengaruhi keadaan ekonomi negara. Oleh itu, pengguna harus sentiasa peka dan berusaha meningkatkan kesedaran kepenggunaan agar mereka menjadi pengguna yang bijak.

**- Pengarang**

# Laman Web Tribunal Tuntutan Pengguna

**P**engguna-pengguna yang tidak berpuas hati dengan pembelian barang-barang dan perkhidmatan yang mereka terima serta berhasrat untuk membuat aduan akan dapat memfailkan aduan-aduan mereka secara 'on-line' melalui laman web Tribunal Tuntutan Pengguna yang akan dilancarkan pada akhir tahun ini. Ini adalah ekoran daripada sambutan pengguna terhadap tribunal ini semakin meningkat. Bagaimanapun, masih ramai yang masih belum memahami cara-cara aduan difailkan dan tatacara pelaksanaan tribunal berkenaan.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri

Muhyiddin Yassin, tribunal yang ditubuhkan sejak 15 November 1999 ini, telah menerima sebanyak 371 aduan dalam tempoh dari 1 Januari 2001 hingga 31 Mac tahun ini. Negeri Johor telah mencatatkan jumlah aduan yang diterima tertinggi iaitu sebanyak 103 aduan, atau 27% daripada jumlah aduan keseluruhan, yang mana 23 daripada aduan berkenaan berkaitan dengan kerosakan barang dan selebihnya berkaitan dengan perkhidmatan yang diterima oleh pengguna.

Menurutnya, laman web tribunal ini akan memaparkan secara terperinci tatacara dan prosedur bagaimana pengguna boleh memfailkan aduan dan keseluruhan proses memfailkan ini boleh dilakukan secara 'on-line'. Pengguna berkenaan hanya perlu datang ke pejabat tribunal untuk membuat pembayaran dan untuk menghadiri sesi pendengaran jika diperlukan. Adalah diharapkan melalui laman web ini, akan lebih memudahkan

pengguna untuk membuat aduan terus dari rumah.

Setakat ini, kebanyakan kes-kes yang difaiklan di tribunal ini dapat diselesaikan melalui proses perundingan di antara pihak-pihak yang terlibat dan pengerusi tribunal. Namun, terdapat juga kes-kes yang diselesaikan selepas melalui proses pendengaran (hearing) di tribunal. Dan ada juga kes-kes di mana pengadu menggugurkan tuntutannya.

Menurut Menteri lagi, sehingga kini terdapat 9 kes pihak yang dituntut gagal membayar wang pampasan atau ganti rugi seperti yang diarahkan oleh tribunal. Bagi kes-kes seperti ini, tribunal akan mengeluarkan notis kepada 'defendant' untuk tertakluk kepada keputusan tribunal. Jika pihak defendant masih gagal menuruti notis ini, dia boleh didakwa di bawah Seksyen 113 Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan dihadapkan ke mahkamah.

## Amin-Pengguna Malang



sambungan daripada mukasurat 1

Di dalam masa yang sama juga kita sebagai pengguna haruslah turut menyumbang ke arah membanteras kegiatan cetak rompak yang semakin berleluasa ini. Pengguna tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab ini kepada pihak berkuasa semata-mata malahan di dalam perkara ini pengguna lah yang mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sama pentingnya. Pengguna yang bijak tidak akan membeli produk cetak rompak. Inilah kuasa yang terbesar dan paling penting yang ada kepada pengguna. Produk cetak rompak tidak akan mendapat sambutan jika para pengguna tidak membelinya. Ia secara tidak langsung akan memperlamban kegiatan cetak rompak dan aktiviti ini akan lumpuh jua akhirnya.

Gunakanlah hak kita sebagai pengguna untuk membuat pilihan dan penilaian yang bijak sebelum membeli sesuatu produk atau barang. Kebijaksanaan kita membelanjakan wang terhadap produk yang asli dan berkualiti boleh menyumbang ke arah menghapuskan kegiatan cetak rompak. Janganlah hanya disebabkan harga produk cetak rompak yang murah kita mudah terpengaruh dan terpedaya kerana akhirnya kita sebagai pengguna gagal menikmati kepuasan yang diingini.

Justeru itu sebagai pengguna, kita harus menghormati hasil kreativiti intelektual para karyawan kita. Kegigihan mereka ini



Pegawai-pegawai sedang mencatat dan merekodkan kaset, VCD dan CD yang dirampas.

membolehkan kita sebagai pengguna menikmati hasil kreativiti dengan sebaik mungkin. Sekiranya pengguna membeli karya produk cetak rompak maka adalah dikhuatiri ia akan menyekat atau membantutkan perkembangan dan penyuburan kreativiti intelektual para karyawan kita. Sekiranya perkara ini terus berlarutan maka ia akan mendatangkan suatu kerugian yang besar kepada masyarakat dan negara kita.


Oleh itu usaha murni membanteras cetak rompak haruslah mendapat sokongan yang padu daripada para pengguna di negara ini. Kita hendaklah menjadi pengguna

yang bertanggungjawab dan menghormati kreativiti intelektual para karyawan. Pihak kerajaan telah menunjukkan usaha yang bersungguh-sungguh di dalam hal ini dan seterusnya melindungi pengguna untuk suatu produk yang berkualiti maka sewajarnya pula pengguna merealisasikan usaha ini dengan tidak menyokong kegiatan para lanun cetak rompak. Harus diingati bahawa segalanya ini adalah untuk kebaikan pengguna jua akhirnya.

@Hakcipta Terpelihara 2000  
Sumbangan : Anuar Zaki Bakar

## CETAK ROMPAK

Oleh : INBA



# Memartabatkan Barang Buatan Malaysia



**B**erbelanja dengan bijaksana adalah amalan yang mulia kerana ia dapat menghindarkan seseorang dari membazir. Dalam keadaan ekonomi yang mengalami proses pemulihan akibat kejatuhan nilai matawang, setiap sen yang dibelanjakan haruslah rasional.

Perkembangan akhir-akhir ini ialah kesedaran pelbagai pihak tentang perlunya kita mempertingkatkan martabat barang buatan Malaysia. Beberapa kempen telah pun diusahakan oleh pihak Kerajaan dan badan-badan tertentu bagi menggalakkan rakyat untuk membeli dan menggunakan barang buatan tempatan. Di samping dapat menaikkan mutu barang buatan Malaysia dan membantu pertumbuhan ekonomi negara, tujuan kempen ini adalah juga untuk mengurangkan wang dari mengalir ke luar negara untuk memperkuuh kedudukan imbangan pembayaran negara; membangun dan mengembangkan sektor perindustrian dan perkilangan serta meningkat



Pengguna di gedung membeli-belah yang mengadakan penjualan Barang Buatan Malaysia.

keupayaannya mengekspot lebih banyak barang-barang keluaran dalam negara ke pasaran luar; berdikari dengan mengeluarkan berbagai-bagai jenis barang tanpa bergantung kepada negara luar; mewujudkan sikap cintai Malaysia dan berbelanja hanya kepada barang buatan Malaysia; menarik para pelancong berbelanja di negara ini serta membantu Kerajaan dalam usaha membendung inflasi.

Pada masa ini terdapat begitu banyak barang buatan Malaysia yang mendapat pasaran luar negara, yang kualitinya diiktiraf di pasaran antarabangsa. Bagaimanapun, pelanggan tempatan masih merasa ragu tentang

kualiti barang yang dibeli dan lebih cenderung untuk membeli barang yang diimport.

Ekoran daripada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) telah melaksanakan satu kajian mengenai keberkesanan kempen "Belilah Barang Buatan Malaysia". Hasil kajian mendapati bahawa ramai rakyat Malaysia yang masih kurang yakin dengan kualiti dan mutu barang tempatan. Pengguna beranggapan bahawa kualiti sesetengah barang import adalah lebih tinggi berbanding barang

bersambung di mukasurat 6

sambungan daripada mukasurat 5



tempatan yang serupa. Kajian menunjukkan bahawa kecenderungan pengguna untuk membeli barang tempatan lebih banyak didorong oleh kegawatan yang dihadapi.

Pesan dari luar negara terhadap barang buatan Malaysia baik bagi barang separuh siap maupun barang siap seperti perabot, barang-kemas, perhiasan, makanan, sarung tangan, barang kulit dan sebagainya menunjukkan peningkatan setiap tahun. Ekspo demi ekspo bertaraf antarabangsa telah diadakan dan banyak syarikat tempatan yang mengambil bahagian. Ini membuktikan barang tempatan bermutu tinggi dan bertaraf antarabangsa apabila barang-barang tersebut terutamanya perabot dan makanan ringan keluaran keluaran tempatan mampu menembusi pasaran Amerika Syarikat, Timur Tengah,



Australia, Jepun, Afrika Selatan dan lain-lain lagi. Malah ada syarikat tempatan yang telah menerokai pasaran antarabangsa sejak 30 tahun yang lalu.

Seandainya masyarakat luar negara boleh menerima barang buatan Malaysia, mengapa rakyat Malaysia tidak boleh.

Mungkinkah barang buatan Malaysia yang dipasarkan dalam negara kurang bermutu berbanding dengan

barang yang di ekspot. Justeru itu, jika itulah alasannya maka pengeluar haruslah mempertimbangkan untuk memperbaiki mutu barang yang dihasilkan untuk pasaran tempatan. Pengeluar janganlah menghasilkan barang yang terlalu murah sehingga menjadikan barang tidak bermutu. Harus diingat bahawa masyarakat Malaysia hari ini mempunyai citarasa yang tinggi dan sanggup membayar pada harga yang berpatutan dan bersesuaian dengan kualiti produk.

Di samping pengguna menyokong barang buatan Malaysia, pengeluar adalah diseru agar mempertingkatkan mutu keluaran barang masing-masing. Mereka juga perlu adakan penyelidikan untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu barang keluaran masing-masing dari masa ke semasa dan juga jaminan terhadap produk-produk tersebut.

Pengeluar hendaklah menonjolkan keistimewaan barang tempatan dengan sebaik mungkin. Promosi dan publisiti yang

meluas serta penyebaran maklumat berkenaan barang tempatan terhasil daripada pengembangan penyelidikan akan dapat menambahkan lagi keyakinan pengguna. Kejayaan barang tempatan menembusi pasaran-pasaran antarabangsa dan dijual di gedung-gedung ternama di luar negara perlu diberi publisiti meluas melalui media-media elektronik dan sebagainya. Ini akan menjadi faktor yang boleh meningkatkan keyakinan pengguna malah merasa bangga dengan barang tempatan. Anjurkanlah pameran yang berfokus dengan memberi tumpuan kepada jenis barang tertentu dan kumpulan sasaran yang sesuai. Pameran yang terancang dan diadakan di pelbagai tempat bagi mendedahkan barang tempatan kepada pengguna juga membantu untuk meningkatkan taraf barang tempatan. Kempen-kempen menerusi media, pameran, iklan atau promosi mestilah diadakan secara berterusan dan bukan bermusim.

Apabila pengguna mempunyai keyakinan barang buatan negara sendiri maka mereka sudah pasti akan memilih jenama tempatan dan akan berbangga dengannya. Lantaran itu beberapa tahun akan datang budaya jenama luar negara yang dibanggakan hari ini akan pupus digantikan dengan jenama tempatan. Insyaallah, generasi akan datang akan berbangga dengan barang buatan tempatan.

Beliah dan berbanggalah dengan barang buatan Malaysia. Jika bukan kita rakyat Malaysia yang menyokong, siapa lagi ?

## Membeli Secara Bayaran Mudah

**B**ayaran mudah adalah satu cara berhutang atau kredit, iaitu pengguna mendapatkan barang yang tidak mampu dibeli olehnya dengan bayaran sekalus atau secara tunai.

Jadi pengguna tersebut membeli barang berkenaan dengan bayaran secara ansuran. Dengan itu, kaedah pembelian ini digelar pembelian secara bayaran mudah.

Umumnya, bayaran mudah dianggap membantu pengguna yang tidak mampu membeli sesuatu barang yang diidaminya secara bayaran tunai. Untuk mendapatkan barang yang diminatinya itu, pengguna hanya perlu membuat bayaran ansuran pertama sahaja. Ini bermakna pengguna tidak perlu membayar cengkeram 10 peratus seperti yang diwajibkan di bawah Akta Sewa Beli. Ini juga bermakna pengguna tidak dilindungi oleh Akta Sewa Beli walaupun barang yang dibeli, termasuk dalam keluaran yang dilindungi oleh undang-undang tersebut.

Meskipun demikian, suatu hakikat yang kurang disedari pengguna ialah melalui pembelian secara bayaran mudah ini, harga barang berkenaan meningkat naik atau lebih mahal berbanding jika barang berkenaan dibeli secara tunai. Oleh yang demikian, sebagai pengguna yang bijak dan rasional, setiap pengguna haruslah menilai terlebih dahulu kemampuannya untuk membeli.

Persoalan yang harus ditanya oleh pengguna adalah seperti; adakah jenis pembayaran yang hendak dilakukan adalah sewa beli atau bayaran mudah?, adakah pengguna benar-benar memerlukan barang berkenaan dan tidak mampu membelinya secara tunai?, adakah pengguna benar-benar komited untuk membayar jumlah ansuran bulanan tersebut tanpa mengambil kira masalah-masalah lain yang bakal dihadapi?, adakah pengguna berpuas hati dengan perbandingan harga barang berkenaan jika dibeli secara ansuran dibandingkan jika dibeli secara tunai?, adakah barang berkenaan benar-benar berkualiti dan tahan lama?, dan sebagainya.


Pengguna yang bijak akan mampu memikirkan persoalan-persoalan ini dengan jelas sebelum dia membuat keputusan untuk membeli barang secara bayaran mudah. Sekiranya pengguna dapat membuat keputusan yang bijak dan merancang perbelanjaan dengan baik, maka dia tidak akan terbeban dengan hutang-hutang yang ditanggungnya melalui pembelian secara bayaran ansuran.

## Bagaimana Mengendalikan Konkrit Supaya Tahan Lama?

**H**ampir setiap hari, hidup kita akan menemui binaan yang diperbuat daripada konkrit. Ini kerana konkrit merupakan bahan binaan yang murah, mudah didapati dan konkrit yang dihasilkan pula senang dikerjakan, mudah dibentuk dan tahan lama. Walaupun penggunaannya begitu meluas, konkrit yang dihasilkan sering mendatangkan masalah kepada pengguna dalam masa yang singkat. Ini boleh dilihat dari keretakan yang kelihatan di sana-sini, konkrit tertanggal, berlaku pengaratan dan konkrit terpecah di sudut-sudut binaan. Adalah perlu panduan membuat konkrit yang betul dapat difahami supaya konkrit yang dihasilkan dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada pengguna, menjimatkan, tahan lama dan tidak retak dalam tempoh yang singkat.

### Pemilihan Bahan

Konkrit adalah bahan campuran dari simen, pasir, batu, air dan bahan tambah jika diperlukan. Dalam pemilihan simen, mungkin pengguna tidak mengalami masalah kerana ia mudah didapati di kedai menjual bahan binaan (hardware shop) dan di negara kita kebanyakan simen yang dikeluarkan adalah yang dikawal mutu pengeluarannya. Apa yang harus diperhatikan ia mempunyai label SIRIM dan menepati piawaian MS 522:1989. Ini adalah jaminan mutu, yang mana sistem tersebut telah dibuat mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Ini mudah dilihat tertulis di bahagian luar beg simen tersebut. Simen yang telah dibeli harus digunakan secepat mungkin, jika ingin disimpan, ia perlu diletakkan di tempat yang tertutup dan berbungung. Simen tidak boleh diletakkan di atas tanah atau lantai konkrit. Ia perlu diletakkan di atas rak yang ketinggiannya melebihi



Konkrit di bumbung yang tidak dipadat dan diawet dengan betul.



Dinding rumah yang tidak dipasang dengan betul.

0.5 meter dari permukaan lantai, ditutup dengan kepingan plastik dan dielakkan terkena air.

Pasir dan batu yang hendak digunakan haruslah bersih dan tidak mempunyai kelodak. Pasir yang terlalu halus tidak boleh digunakan dan pasir laut harus dielakkan sama sekali. Batu yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan saiz binaan. Batu yang terlalu besar haruslah dielakkan. Untuk konkrit bertetulang dan mempunyai penutup, saiz batu yang tidak melebihi 20 mm adalah dicadangkan. Ini adalah untuk mengelakkan tetulang mudah terdedah apabila batu yang agak besar terletak berhampiran dengan permukaan luar terkeluar.

Air adalah faktor penentu kekuatan konkrit yang amat mustahak diperhatikan terlebih dahulu sebelum digunakan. Dalam kerja-kerja pembinaan kecil yang dikerjakan sendiri oleh pengguna, jumlah air yang banyak tidak

digalakkan. Jika air terlalu banyak digunakan, ini mungkin memudahkan kerja menuang konkrit tetapi kekuatan konkrit yang dihasilkan menjadi rendah. Ini akan mendatangkan masalah pada masa akan datang dari segi ketahanlasakan. Air laut tidak boleh digunakan sama sekali kerana mengandungi garam terlalu tinggi yang mungkin akan menyebabkan kadar pengaratan yang tinggi atau pun dengan adanya garam, akan menyebabkan kadar tindakbalas simen menjadi cepat yang mana jika cuaca terlalu panas akan menyebabkan retak terjadi dalam waktu yang singkat. Air yang digunakan perlu bersih tanpa kelodak dan bebas dari bahan asing. Jika air sungai atau air hujan digunakan, ia perlu ditakung terlebih dahulu selama 24 jam sebelum digunakan. Ini bertujuan untuk memendapkan kotoran yang terdapat di dalam air.

bersambung di mukasurat 9

sambungan daripada mukasurat 8

## Kerja Acuan

Kerja acuan adalah proses membentuk konkrit kepada bentuk dan saiz yang dikehendaki. Bahan untuk membuat acuan harus boleh menanggung berat konkrit, mudah dipasang atau dibuka, rendah kadar kebolehtelapan air dan memberi permukaan konkrit yang serata. Acuan harus dipasang mengikut dimensi yang dikehendaki. Perhatian khusus harus ditumpukan kesambungan dan sudut-sudut yang diperlukan. Sebelum konkrit dituang, permukaan acuan harus dibasahi air yang mana kehilangan air melalui resapan dapat dikurangkan dan harus dipastikan supaya acuan tidak bocor untuk mempastikan air dan simen tidak mengalir keluar. Penggunaan acuan yang berhati-hati membolehkan ia digunakan dua atau tiga kali selepas dibuka dan dibersihkan. Ini menjimatkan dari segi kos pembinaan.

## Proses Mencampur Konkrit

Adalah dicadangkan campuran 1:2:4 digunakan. Iaitu 1 bahagian simen, 2 bahagian pasir dan 4 bahagian batu. Jumlah air yang perlu dimasukkan adalah setengah dari berat simen, untuk menjadikan nisbah air-simen 0.5. Cara campuran yang berkesan adalah seperti langkah di bawah :-

1. Campurkan batu bersama pasir dan digaul hingga campuran sekata.
2. Setengah air yang perlu digunakan dicampurkan terlebih dahulu dan campuran digaul hingga serata.
3. Simen dimasukkan ke campuran dan digaul.
4. Baki air dituang dan konkrit digaul hingga serata.
5. Konkrit sedia untuk dituang ke dalam acuan.

Masa penungan konkrit ke dalam acuan perlu dipercepatkan untuk mengelakkan konkrit mula mengeras. Jika konkrit telah mula mengeras ini mungkin akan menerbitkan rongga antara konkrit hasil; dari pengerasan yang tidak sekata. Ini akan

mempersingkat proses keretakan terjadi.

## Proses Pemadatan

Pemadatan adalah proses mengurangkan rongga yang mungkin terdapat di dalam konkrit. Konkrit yang tinggi ketahanlasakan dan tahan lama adalah konkrit yang mempunyai rongga yang minimum dan, seterusnya merendahkan kadar kebolehtelapan konkrit. Konkrit haruslah dipadatkan sama rata terutama di bahagian sudut acuan. Jika alat pengetar digunakan, ia haruslah menyeluruh di semua bahagian konkrit. Jangka masa getaran tidak perlu terlalu lama yang mana jika terlalu lama akan mengakibatkan pengasingan berlaku iaitu air akan naik ke atas dan batu dan pasir akan turun ke bawah. Akibatnya konkrit akan menjadi lemah dipermukaan atas kerana air terlalu banyak. Ini mengakibatkan konkrit akan kehilangan daya tahan dari serangan klorida, sulfat dan resapan karbon dioksida. Pemadatan yang berpatutan adalah penting dibuat dan dilaksanakan dengan berhati-hati.

## Pengawetan

Ini adalah proses mengawal kehilangan air dari permukaan konkrit pada peringkat awal umurnya. Air adalah bahan yang sangat penting dalam proses tindakbalas dalam konkrit. Kehilangan air yang cepat melalui pendedahan konkrit pada panas terik dengan tujuan supaya konkrit mengeras dengan cepat akan menyebabkan permukaan konkrit yang terdedah akan cepat retak. Ini adalah tanda awalan yang konkrit akan kehilangan kebolehkhidmatan dan memerlukan penyelenggaraan dalam tempoh yang singkat.

Kehilangan air pada waktu awal umur konkrit boleh dielakkan dengan menutup permukaan konkrit dengan guni basah selama 3 hari selepas penungan. Air boleh terus dibekalkan kepada konkrit dengan menjirus air ke permukaan guni setiap pagi, tengahari dan petang. Selepas 3 hari, yang mana konkrit telah keras sepenuhnya, air harus terus dijirus ke permukaan konkrit untuk beberapa hari lagi. Proses ini akan menghasilkan permukaan konkrit yang kuat dan rendah kadar kebolehtelapannya.

## Penanggalan Acuan

Untuk kerja-kerja kecil dimana acuan tidak perlu dibuka secara tergesa-gesa, acuan hendaklah dibuka selepas 3 hari penungan. Ini untuk memberi peluang konkrit di sebelah tepi terus bertindak balas dengan bekalan air yang sedia ada. Acuan harus dibuka berhati-hati dengan tidak merosakkan permukaan konkrit. Jika konkrit tertanggal, ia harus ditutup dengan segera.

## Penjagaan Konkrit

Sebaik-baiknya permukaan konkrit di cat. Ini mengurangkan kadar resapan air, karbon dioksida dan oksigen yang merupakan agen mempercepatkan pengaratan. Air yang sentiasa bertakung di permukaan konkrit harus dielakkan kecuali binaan dalam air. Kerja mengecat harus diulangi setiap tiga tahun untuk mengekalkan ketahanlasakan konkrit.



Konkrit telah terkeluar kerana kekurangan mampatan, tetulang telah mula berkarat.

## Kesimpulan

Konkrit adalah binaan yang ekonomikal jika dapat dibuat dengan baik. Proses pembinaan tidak hanya semasa kerja mencampur konkrit tetapi ia harus bermula dari proses pemilihan bahan sehinggalah proses penjagaan semasa ia memberi perkhidmatan. Konkrit yang tinggi ketahanlasakan dapat dihasilkan jika dibuat mengikut proses pembinaan yang betul dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Sumbangan :

Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, USM, Perak



## Pengguna bersama Ariff

# Cara Mudah Menceriakan Diri

**K**etegangan, tekanan emosi dan kerunsingan merupakan perkara lazim berlaku, terutama di kalangan mereka yang membenarkan suasana sekeliling mempengaruhi diri. Suasana seperti hingar bingar dan tekanan kerja umpamanya, menyebabkan mereka rasa tidak tenteram. Namun, kita boleh membina keyakinan diri di samping melakukan beberapa perkara seperti berikut;

- Tumpukan fikiran ke arah ketenangan.
- Bayangkan perkara-perkara positif di samping sentiasa mengingati Tuhan.
- Berilah keutamaan kepada apa yang anda miliki, di mana anda berada dan bilakah masanya.
- Jangan bersikap terlalu serius.
- Jangan biar orang lain menilai diri anda.
- Jangan menyimpan dendam.
- Cuba menyapa orang lain. Gembirakanlah orang lain dengan sikap kita kerana dengan cara itu kita juga pasti gembira.
- Jangan mengungkit perkara lalu.
- Sibukkan diri dengan melakukan perkara yang membina.

## Consumers And Trademarks

**A**s consumers, we are assaulted with a daily deluge of goods, products and services to be bought, used and consumed. You would find them almost anywhere you go, be it the hyper-markets, shopping complexes or even the neighbourhood shops. Advertising plays an important part in the drive to part the purchasers with their money. The question is, as we strive to be informed and intelligent consumers and purchasers, how do we choose which brand to buy and use for a particular product?

This is where the role of a trademark steps in. Essentially, trademarks mean exactly what they mean, that is a mark about the trade, or rather the goods that are being sold. At its most basic level, a trademark is an indication of source and at its zenith, a trademark can be the

most valuable intangible property a company may own.

Trademarks have its origins where in the olden days, traders use to trade and sell their goods. In order to attract customers and to distinguish a person's goods from the others, a special marking or picture may be used. If the goods sold by a particular trader is of good quality and reasonable price, the trader's renown will be spread by word of mouth by satisfied customers. And if the goods or products carries a special marking either by way of a word or a device or both, the mark becomes associated with the goods and attributed to the manufacturer or trader.

A good trademark that is continuously used in relation to high quality products will enhance the business goodwill and reputation of a company. Once the consumers and public become aware or recognizes a mark for a particular product

that is in relation to a company, it is likely that they will return to buy the product again and again from the same company. Through effective advertising and promotion coupled with value for money products, brand awareness by way of product loyalty is born. For example, who does not recognize the distinctive "Coca Cola" trademark?

Nonetheless, trademarks are capable of being copied and infringed. Any unscrupulous use of a trademark by a third party may jeopardize a company and create a negative impact both on the consumers and the company concerned. On the part of a proprietor, statutory protection may be sought under the auspices of the Trade Marks Act 1976. An application to register may be made at the Trademarks Registry. Grant of Registration of the mark would give the Registered

bersambung di mukasurat 12

## Barangan Terpakai Wajar Diberi Perhatian



Kasut berjenama terpakai.

**B**arangan yang berjenama seperti Puma, Adidas, Mizuno, Diadora dan sebagainya adalah antara barang yang diminati ramai di negara kita. Semua golongan tidak kira ahli sukan, pelajar dan mereka yang bekerja di pejabat sangat meminati barang yang berjenama. Tidak dapat dinafikan bahawa kualiti dan rekabentuk yang memberikan keselesaan dan kepuasan menjadi faktor utama mengapa barang ini digilai ramai. Namun kita sebagai pengguna juga tidak dapat menyangkal bahawa harga barang yang berjenama adalah sangat mahal memandangkan barang tersebut diimpot dari negara luar. Kesannya, tidak semua golongan dapat memiliki barang yang berjenama terutamanya pakaian. Keadaan ini mencenderungkan gejala-gejala negatif seperti mencuri dan mencetak bahan tiruan.

Ekoran daripada itu, terdapat segelintir pengusaha yang cuba menyelamatkan keadaan ini dengan mengambil risiko untuk menjual barangan terpakai. Usaha ini bukan sahaja dapat mengurangkan kadar inflasi malah dapat memenuhi kehendak pengguna masa kini.

Barangan terpakai terutamanya pakaian semakin popular dan mula mendapat perhatian umum. Bukan sahaja golongan berpendapatan rendah yang meminati pakaian terpakai malah golongan berada juga tidak ketinggalan. Pakaian terpakai bukanlah pakaian yang dicuri tetapi barang tersebut dibeli daripada pihak tertentu secara lelong. Pakaian itu kemudiannya dijual kepada orang ramai dengan harga yang rendah dan berpatutan. Pakaian ini bukan sahaja berjenama tetapi juga masih elok dan boleh dipakai. Kini, terdapat banyak lagi barang terpakai yang boleh didapati di pasar-pasar malam atau pun pasar

minggu, misalnya anak patung, kasut, topi, beg, langsir dan kain cedar. Barang ini sekiranya diperbaiki, direndam dan dibasuh, pasti kecantikannya terserlah.

Masyarakat kini harus berjimat-cermat dalam mengawal perbelanjaan harian. Maka, membeli barang seperti pakaian biasa yang terpakai adalah satu alternatif yang baik. Pengguna tidak seharusnya berasa malu untuk membeli barang terpakai kerana aktiviti jual beli ini adalah halal dan tidak melanggar undang-undang. Masyarakat sepatutnya tidak memandang serong dan perlu bersikap terbuka terhadap pengguna yang gemar membeli barang terpakai. Sebagai pengguna, kita sepatutnya berterima kasih kerana terdapat pihak yang mahu menjual barang tersebut walaupun keuntungannya tidak seberapa. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar sekiranya kualiti barang terpakai diketepikan kerana sudah sampai masanya untuk kita sebagai pengguna yang bijak untuk mengubah sikap boros dan suka menunjuk-nunjuk, bak pepatah Melayu, besar pasak dari tiangnya.

Sumbangan: Noraini Saripudin, Sabah



Seluar Jean terpakai yang terdapat di pasaran.

sambungan daripada mukasurat 10

Proprietor exclusive rights to the use of the trademark in relation to those goods or services provided by the Proprietor. In instances where there is an infringement of a registered trademark, the Registered Proprietor is at liberty to act against the infringer by way of commencement of an infringement action with prayers of relief such as injunction and damages. If there is no registration, the owner of the mark may initiate a civil action against the infringer on the grounds of a common law under the tort of passing off.

An infringement may be slight or it may be a total copying of the mark. The latter may be termed as a counterfeit. Passing off occurs when the copying done is to a certain extent such that an impression is created in the minds of the consumer that the two marks are one and the same. In instances such as these, both parties, consisting of the owner of the trademark and the consumers are at the losing end. The owner of the mark suffers as there would be a negative impact on their sales, business goodwill and reputation. Consumers on the other hand, may be led into the state of confusion and

deception that they are getting good value for money for a substandard quality product priced cheaper than the original one. Another scenario of deception and confusion is when the consumer does not realize that he or she is purchasing a non-genuine article and truly believes that the product emanates from the company. When a consumer finds that the standard of the infringing product is below expectation, he or she may be under the mistaken assumption that the company is no longer capable of generating high quality goods, thus affecting the reputation of the company.

What is the role of a consumer when an infringement occurs? First and foremost, the consumer must be aware when that there is an infringement of the mark. As intelligent and informed consumers, we should be aware that certain products with famous marks are prone to copycats. Consumers ought to be able to differentiate the genuine article from infringing one. Secondly, acts such as the offer and sale of the products bearing the imitation or copied mark ought to be brought to the attention of the company owning the mark. In cases where the company (owner of the mark) is foreign, inquiries or complaints may

be made to the business's local representative here in Malaysia. Where the infringing goods are household electrical goods, they may not be covered by any warranties or guarantees. In instances where the infringing products are food products, harm may befall the uninformed or apathetic consumers as these infringing products may not fulfill the legal requirements in the course of manufacturing. This is where the consumer should take a pro-active stand and report their concerns to the Enforcement Division of the Ministry of Trade and Consumer Affairs so that it may be thoroughly investigated.

So the next time any of us go shopping, look around! Check out the goods and products, look at their labels and the trademarks. Do the goods originate from a reputable company or a fly by night operator? We should all play our part in achieving the K-economy status aspired by the country. Progressive consumerism must go hand in hand with the nation's development as educated consumers are the backbone of the country's economy.

Contributed by :  
Azlina Aisyah Khalid, Advocate & Solicitor

## BAHAGIAN PENGUATKUASA :

- Bilik Gerakan K. Lumpur : 03-40436888/03-40437888 • Wilayah Persekutuan K. Lumpur : 03-40454555
- Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366
- Perlis • Kangar : 04-9761478   Kedah • Alor Setar : 04-7339062 • Sg.Petani : 04-4205108 • Langkawi : 04-4213400 • Kulim : 04-4963700
- Pulau Pinang • P. Pinang : 04-2616168 • Seberang Prai : 04-4331750   Perak • Ipoh : 05-2555001 • Taiping : 05-8098801 • Teluk Intan : 05-6227967 • Grik : 05-7941000 • Manjong : 05-6871100   Selangor • Shah Alam : 03-5584102 • Kajang : 03-87381191 • K. Kubu Baru : 03-60642495 • Kuala Selangor : 03-8898559 • Sepang : 03-8465067   Wilayah Persekutuan • Kuala Lumpur : 03-4423555 • Labuan : 087-417669   Negeri Sembilan • Seremban : 06-7630911 • Kuala Pilah : 06-4821050 • Port Dickson : 06-6461501   Melaka : 06-2820422
- Johor • Johor Bahru : 07-2234699 • Kluang : 07-7736877 • Muar : 06-9521094 • Mersing : 07-7981001 • Batu Pahat : 07-4355478
- Segamat : 07-9333400   Pahang • Kuantan : 09-5121234 • Temerloh : 09-2961688 • Raub : 09-3551670   Terengganu • K. Terengganu : 03-6221234 • Kemaman : 09-8591919 • Besut : 09-6902204   Kelantan • Kota Bahru : 09-7447187 • Kuala Krai : 09-9666368   Sabah • K. Kinabalu : 088-235702 • Sandakan : 089-201301 • Tawau : 089-776690 • Kudat : 088-615310 • Keningau : 087-3384001 • Lahad Datu : 089-886090   Sarawak • Kuching : 082-245202 • Sibu : 084-329202 • Miri : 085-412862 • Bintulu : 086-332176 • Labuan : 087-417669
- Sarawak : 084-654414 • Kapit : 084-797664 • Limbang : 085-217414

## PEJABAT-PEJABAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366 • Alor Setar : 04-7318277 • Butterworth : 04-3327793 • Ipoh : 05-2547913 • Kota Bahru : 09-7484599 • Kuantan : 09-553600 • K. Terengganu : 09-6237170 • Johor Bahru : 07-2244710 • Melaka : 06-2821822

## BAHAGIAN HARTA INTELEK :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-22742100 • Kota Kinabalu : 088-233571 • Kuching : 089-259 073/259 075

## BAHAGIAN HAL EHWAH PENGGUNA : 03-22742100

## BAHAGIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI : 03-22742100

## PEJABAT-PEJEBAT PENDAFTARAN SYARIKAT :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366 • Alor Setar : 04-7330111 • P. Pinang : 04-3332081 • Ipoh : 05-2416900 • Kuantan : 09-553866
- Kota Bahru : 09-7482860 • Kota Kinabalu : 088-233346 • Kuching : 082-428499 • Labuan : 087-414100

Pejabat-pejabat Penguatuasa di Ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna

